



KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	UTUSAN MALAYSIA			
TARIKH	:	22/6/2021	MUKA SURAT	:	24
JABATAN	:	KeTSA			

PSR musnahkan kekayaan biodiversiti

GEORGETOWN: Kerajaan Negeri Pulau Pinang terus didesak supaya membatalkan projek tambakan laut selatan (PSR) kerana memberi kesan serius dan negatif kepada sosioekonomi serta alam sekitar.

Kali ini desakan disuarakan Pertubuhan Badan Pemikir Melayu Pulau Pinang (Pemikir) yang menyatakan sokongan penuh kepada gesaan dan bantahan dibuat pertubuhan bukan kerajaan (NGO), nelayan dan beberapa ahli Parlimen supaya projek itu dibatalkan.

Pengerusinya, Datuk Dr. Muhamad Farid Saad berkata, langkah-langkah yang dicadangkan oleh pemaju PSR sebagai pengganti untuk habitat semula jadi yang bakal dimusnahkan oleh projek itu tidak memadai.

“Langkah yang dicadangkan juga tidak mempunyai keupayaan menggantikan fungsi habitat semula jadi di kawasan berkenaan.

“Tempat pendaratan penyu, kawasan pantai berlumpur akan hilang sepenuhnya, terumbu ka-



PELBAGAI pihak mahu projek PSR di selatan Pulau Pinang dibatalkan kerana bakal menyebabkan kemusnahan alam sekitar yang serius dan mengancam sumber rezeki nelayan.

rang Pulau Rimau serta kawasan perikanan pula separuh daripadanya akan hilang,” katanya dalam kenyataan di sini semalam.

Ketua Menteri, Chow Kon Yeow sebelum ini berkata, kerajaan

negeri tetap meneruskan projek PSR itu dan tidak bersetuju dengan desakan pelbagai pihak supaya projek tersebut dibatalkan.

Menurut Muhamad Farid, projek PSR bukan sahaja menje-

jasakan kekayaan biodiversiti di kawasan tersebut malah sumber bekalan ikan di Pulau Pinang dan sumber pencarian nelayan pantai di utara Perak dan selatan Kedah turut terjejas.